

31 MAY 2003

Mahathir-G8/I

DR MAHATHIR TIBA UNTUK DIALOG SIDANG KEMUNCAK G8

Oleh: Yong Soo Heong

LAUSANNE, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini bagi menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota yang akan berlangsung di Evian, Peranchis mulai esok.

Dr Mahathir yang ditemani isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Duta Besar Malaysia ke Peranchis, Tunku Datuk Nazihah Tunku Mohamed Rus, Duta Besar Malaysia ke Switzerland, Datuk Ismail Mustapha, serta para pegawai kementerian luar Switzerland dan Peranchis semasa tiba di Lapangan Terbang Geneva.

Rombongan Malaysia kemudian berlepas menaiki helikopter dan tiba di pangkalan bot Ouchy di sini dalam penerbangan singkat selama 14 minit.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudiannya dibawa ke Hotel Beau-Rivage Palace, yang menghadap Tasik Geneva dan bandar Evian yang terletak di bahagian tasik di sebelah Peranchis.

Kawasan sekitar Hotel Beau Rivage Palace itu yang merupakan destinasi popular para pelancong kerana tempat bersiarnya yang dibarisi pokok-pokok, dikawal ketat kerana hampir semua pemimpin bukan anggota G8 dan pegawai menginap di hotel berkenaan.

Sidang Kemuncak itu dijangka membincangkan pelbagai isu termasuk memulakan semula pemulihan ekonomi global dan cara menangani kemiskinan serta isu kesihatan.

Bagaimanapun, ramai menjangkakan pelbagai isu hangat berkaitan pencerobohan Amerika Syarikat terhadap Iraq akan turut dibangkitkan pada perjumpaan itu.

Dr Mahathir dijangka akan turut mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa pemimpin semasa berada selama tiga hari di sini.

-- BERNAMA

SHY MR NHD